

Harga bawang merah naik mendadak

KPDNHEP mulakan siasatan

Langkah kesan jika wujud unsur pencatutan atau manipulasi harga

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memulakan siasatan bagi mengesam sama ada wujud unsur pencatutan atau manipulasi harga didalangi pengimport, pembekal, pemberong dan peniaga sehingga menyebabkan harga bawang merah meningkat mendadak.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman, berkata siasatan bermula semalam, manakala notis sudah diserahkan kepada pihak terbabit bagi mendapatkan maklumat seperti bila mendapat stok bawang merah

Eksklusif

dan harganya.

Katanya, siasatan mengambil masa kerana membabitkan banyak pihak, selain perlu mengesan pengimport dan pergerakan kemasukannya bagi mengenal pasti sama ada bawang merah India dalam pasaran adalah stok lama atau baharu.

"Bawang merah dari India sudah habis di pasaran Malaysia sejak Oktober lalu kerana negara itu menghentikan eksport sejak 28 September lalu.

"Lanjutan itu, pengimport mengalihkan import dari Pakistan tetapi harganya lebih tinggi.

"Kita beli dari India selama ini kerana harganya murah dan rasanya lebih menepati cita rasa rakyat Malaysia.

"Kita sudah memulakan sia-



Bawang merah dari India sudah habis di pasaran Malaysia sejak Oktober lalu kerana negara itu menghentikan eksport sejak 28 September lalu.

**Iskandar Halim Sulaiman,
Pengarah Penguat Kuasa
KPDNHEP**

satan bermula di Perlis untuk melihat sama ada wujud unsur pencatutan dan pihak yang didapati melakukannya boleh dikenakan hukuman di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmanin, BH melaporkan rungutan orang ramai berikutan kenaikan mendadak harga bawang merah India sejak beberapa minggu lalu kerana bekalan diadaka semakin kurang.

Pemborong dan peruncit tidak ada pilihan, terpaksa meletakkan harga yang mahal kerana mendakwa memperoleh bekalan daripada pembekal pada harga tinggi.

Masalah kekurangan bekalan bawang merah India di negara ini dikesan berlaku sejak September lalu, susul larangan eksport oleh India.

Tindakan itu berpunca daripada penyusutan bekalan di India akibat cuaca tidak menentu, pilihan raya negara berkenaan, selain memberi tumpuan kepada keperluan rakyatnya.

HARI	:	SABTU
TARIKH	:	28/12/2019
M/SURAT	:	4